

Parti politik jangan sewenang-wenangnya keluarkan 'fatwa'
Utusan Online
16 APRIL 2013

KOTA BHARU 15 April - Polis menasihatkan semua pihak termasuk pemimpin-pemimpin parti politik supaya tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan fatwa yang boleh mengelirukan orang ramai sehingga mencetuskan pergaduhan semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 ini.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar (gambar) berkata, mereka seharusnya lebih bertanggungjawab dan tidak sesuka hati mengeluarkan fatwa-fatwa yang boleh mengakibatkan ketegangan.

Janganlah sewenang-wenangnya mengeluarkan fatwa-fatwa yang boleh mengelirukan orang ramai, fatwa-fatwa yang meragukan kerana ia nanti akan dibincangkan oleh orang ramai.

Perbincangan ini nanti akan menyebabkan kepada perbalahan dan akan diikuti pula dengan pergaduhan dan sebagainya terutamanya dalam tempoh pilihan raya ini.

Jadi untuk tempoh ini saya nasihatkan jangan mengeluarkan sebarang fatwa yang boleh menyebabkan pergaduhan, bukan sahaja di negeri ini malah semua negeri. Saya nasihatkan dulu perkara ini, kalau masih ingkar dan melampau kita akan menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka yang terlibat ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa meninjau persiapan kontinjen polis negeri ini dalam menghadapi pilihan raya umum pada 5 Mei ini.

Sebelum ini, Muryidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sering kali mengeluarkan pelbagai fatwa antaranya seperti sembahyang orang UMNO tidak sah, UMNO parti murtad dan pelbagai lagi yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Dalam pada itu, Khalid memberitahu, terdapat 80 kawasan panas di 32 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini dan pihaknya akan memberi tumpuan khusus di kawasan berkenaan.

Katanya, semua anggota polis yang terlibat telah bersiap-sedia mengawal kawasan tersebut supaya dapat memastikan tidak timbul sebarang kekecohan pada hari mengundi nanti.

Kita tidak mahu sebarang keadaan yang akan menimbulkan kekecohan sehingga berupaya menakutkan orang ramai daripada keluar mengundi.

Kita akan memastikan keselamatan para pengundi yang keluar mengundi nanti selamat daripada sebarang perkara yang tidak diinginkan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20130416/po_22/Parti-politik-jangan-sewenang-wenangnya-keluarkan-fatwa#ixzz2Zz9m4QeN

© Utusan Melayu (M) Bhd